



Lesen Penggunaan Terhad

Dengan menggunakan bahan-bahan ini, anda (pengguna) dianggap bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat yang berikut. Pengguna diberi lesen penggunaan yang terhad, boleh dibatalkan, tidak eksklusif, dan tidak boleh dipindah milik. Pengguna tidak dibenarkan mengubah atau menukar mana-mana bahan yang sedia ada. Pengguna faham dan mengakui bahawa IAED adalah pemilik tunggal eksklusif daripada hak cipta dan mana-mana harta intelek berkaitan dengan bahan-bahan ini. Pengguna perlu bersetuju untuk sentiasa menggunakan bahan-bahan versi terbaru IAED. Bahan-bahan ini dilindungi oleh undang-undang hak cipta Amerika Syarikat dan perjanjian antarabangsa. Pengguna tidak dibenarkan menggunakan bahan-bahan ini untuk tujuan komersial atau untuk mendapat keuntungan kewangan. Ia tidak boleh diubahsuai dalam apa jua cara, dikeluarkan semula untuk lain-lain kegunaan, atau disepadukan dengan apa-apa produk/komputer/CAD pihak ke-3. IAED tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan berkaitan penggunaan bahan-bahan ini.

Protokol ini disusun dan diluluskan oleh Jawatankuasa Laluan Pintas CBRN daripada Majlis Piawaian IAED.

Dengar betul-betul:

Hanya ditanyakan di peringkat awal jika wabak selesema, penyakit pernafasan atau demam berdarah mula merebak dari kawasan tertentu:

Sejarah Perjalanan/Sejarah Kontak dengan Pesakit

- adakah beliau melakukan perjalanan dalam tempoh 14 hari yang lalu (jika ya, ke mana?)
- disahkan melawat kawasan terjejas ("zon merah") jika pesakit sempat melawat kawasan terjejas
- ada kontak dengan seseorang yang sempat berada di kawasan terjejas ("zona merah") dalam tempoh 14 hari yang lalu (jika ya, di mana?)
- ada kontak dengan individu yang menghidap penyakit umpama selesema (jika ya, bila?)
- (jika soalan di atas dijawab ya) adakah beliau seorang anggota kesihatan

Beritahu saya jika beliau mempunyai mana-mana simptom yang berikut:

- suhu badan $\geq 100.4^{\circ}\text{F}$ (38.0°C)
- demam (panas jika disentuh dalam suhu bilik)
- demam/menggigil seram sejuk
- kesukaran bernafas
- batuk berpanjangan
- lain-lain simptom selesema (cth: terbersin-bersin, nafas berbunyi pelik, hidung tersumbat, dsg.)

* Bersambung di bahagian belakang

Soalan tambahan (disahkan oleh Ketua Perkhidmatan):

- _____
- _____
- _____
- _____
- _____

Arahan Mengelakkan Jangkitan:


- (Asingkan pesakit)** Mula sekarang, **jangan benarkan** sesiapa **mendekati** mangsa/pesakit.

Arahan khas (disahkan oleh Ketua Perkhidmatan):

- _____
- _____
- _____
- _____
- _____

<p>Senarai Abreviasi</p> <p>CDC = Centers for Disease Control (Pusat Kawalan Penyakit, USA)</p> <p>COVID-19 = Coronavirus Disease 2019</p> <p>Protokol EIDS = Protokol Emerging Infectious Disease Surveillance (Pemantauan Wabak Penyakit Berjangkit)</p> <p>EVD = Penyakit Virus Ebola</p> <p>MERS = Sindrom Pernafasan Timur Tengah</p> <p>SRI = Jangkitan Pernafasan Teruk</p> <p>WHO = Pertubuhan Kesihatan Sedunia, PBB</p>	<p>mengenai bila protokol ini digunakan dan tahap kedalaman soalsiasat diserahkan kepada pengguna (dikawal oleh Ketua Perkhidmatan).</p> <p>Sekiranya terdapat lain-lain kaedah atau perisian penskrinan (seumpama "Firstwatch™"), protokol ini boleh digunakan untuk membantu mengumpul lebih banyak lagi maklumat dan mengukuhkan keputusan penskrinan. Ini merupakan keputusan agensi, berdasarkan saranan daripada pihak berkuasa dan arahan daripada ketua EMS dan kesihatan awam.</p>	<p>3. Semasa wabak COVID-19, silalahat laman web IAED setiap hari untuk kemaskini dan nasihat-nasihat semasa hingga keadaan disahkan normal. Kemaskini bagi protokol EIDS boleh dirujuk pada: www.emergencydispatch.org</p> <p>4. Terdapat beberapa soalan berkaitan dengan suhu badan. Satu soalan bertanyakan sama ada suhu badan pesakit ≥ 38°C/100.4°F dan 2 soalan bertanyakan sama ada pesakit: demam (panas jika disentuh dalam suhu bilik), dan demam/menggigil seram jeruk. Bergantung polisi yang terpakai di agensi anda, jawapan positif pada salah satu soalan tersebut boleh menghilangkan keperluan bertanyakan soalan-soalan yang lain.</p> <p>5. Kes COVID-19 kebiasaannya didapati pada Protokol 6, 10, 13 dan 26. Kegunaan Protokol EIDS boleh ditambahkan kepada lain-lain protokol untuk membantu penskrinan, apabila ia disahkan oleh Ketua Perkhidmatan.</p>
<p>Kenyataan Mengenai Protokol EIDS</p> <p>Pada permulaan Januari 2020, Jawatankuasa Laluan Pintas CBRN daripada IAED memutuskan untuk memasukkan unsur COVID-19 ke dalam MPDS dan mengemaskini Protokol EIDS untuk membantu pengendali panggilan melakukan penskrinan pesakit COVID-19.</p> <p>Nasihat Penggunaan Protokol</p> <p>Memandangkan perebakan COVID-19 ke kawasan-kawasan baru, spesifikasi</p>	<p>Peraturan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tiada sekatan mengenai bilangan dan turutan soalan yang mesti ditanyakan. Kawasan yang dibimbangkan bagi sejarah perjalanan boleh berubah bila-bila masa dan boleh menjadi tidak relevan lagi. 2. Terdapat lima ruang bagi soalan tambahan yang perlu ditetapkan oleh agensi dan disahkan terlebih dahulu oleh Ketua Perkhidmatan sebelum protokol ini boleh digunakan. 	

Untuk pengguna MPDS® berlesen sahaja. © 1979–2020 IAED/Priority Dispatch Corp. Hak cipta terpelihara. Digunakan dengan kebenaran istimewa. **Version 6.0.1** AMPDS™ v13.1, 13.2, 13.3, MAL-std, **200410**

<p>Amaran Limitasi (Kelemahan) Protokol</p> <p>Kandungan, format dan/atau maksud penggunaan Protokol EIDS boleh berubah bila-bila masa. Memandangkan kepantasan penyebaran wabak berkaitan, IAED dan PDC tidak akan memberitahu mana-mana pengguna berlesen dan lain-lain agensi yang menggunakan protokol ini secara seorang-seorang, mengenai sebarang perubahan dan kemaskini. Oleh itu, silalahat tapak web IAED, sekurang-kurangnya sekali sehari, untuk memastikan anda dan agensi anda sentiasa termaklum.</p> <p>Memandangkan NAE adalah bahasa utama IAED, pihak Akademi bersama dengan Jawatankuasa Laluan Pintas CBRN mesti membuat keputusan-keputusan yang sukar berkaitan jadual rilis bagi lain-lain bahasa, berdasarkan kepantasan perubahan di kawasan terjejas dan saranan kerajaan. Ini boleh membawa kesan kepada keutamaan dan turutan penyiaran maklumat dalam tapak web IAED.</p>	<p>Novel Coronavirus 2019 (COVID-19)</p> <p>Virus korona adalah jenis virus yang dikenali menyebabkan penyakit selesema biasa hingga kepada penyakit pernafasan serius seumpama MERS (Sindrom Pernafasan Timur Tengah) dan SARS (Sindrom Pernafasan Akut Teruk).</p> <p>Novel coronavirus adalah jenis virus korona baru yang sebelum ini tidak pernah dikesan atau dikenalpasti pada manusia. Virus korona baru yang menyebabkan penyakit pernafasan COVID-19 ini pertama kali dikesan di bandar Wuhan, provinsi Hubei, Cina.</p> <p>Sesetengah virus korona boleh berjangkit dari manusia kepada manusia, kebiasaannya selepas pendedahan kepada individu yang dijangkiti virus ini (cth: dalam rumah, di tempat kerja, atau di klinik/hospital).</p> <p>Simptom-simptom am COVID-19 boleh termasuknya sakit salur pernafasan, demam, batuk, pernafasan laju/cetek dan sesak nafas. Dalam kes yang lebih serius, jangkitan virus ini boleh menyebabkan radang paru-paru, sindrom pernafasan akut yang teruk, kegagalan buah pinggang atau malah kematian.</p>	<p>Pertubuhan CDC dan WHO percaya bahawa simptom COVID-19 wujud 2 hingga 14 hari selepas pendedahan kepada virus korona baru ini. Pendapat ini berdasarkan apa yang dilihat terdahulunya sebagai tempoh inkubasi virus MERS.</p> <p>Arahan Pencetakan</p> <p>Untuk mencetak Protokol EIDS bagi kegunaan set kad/kad manual, silalahat pilih muka surat (page) 2 dan 3 dan opsyen pencetakan kedua-dua belah mukasurat (duplex). Selepas protokol ini dicetak, lipat kertas kepada dua bahagian dengan soalan-soalan protokol menghadap keluar.</p> <p>Untuk membuat tab tarik-keluar, gunakan kad tarik-keluar lain sebagai pola dan potong hujung tab mengikut pola yang sedia ada. Untuk mengukuhkan tab, lapkan ia menggunakan pita perekat yang jernih dan kemudian potong semula untuk mengemaskannya.</p> 
---	---	---